

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

Pertanyaan : JAWAB LISAN

Daripada : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]

Tarikh : 23 SEPTEMBER 2021 (RABU)

**SOALAN**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan untuk menyiarkan info terbaru tentang COVID-19 dan *Variant of Concern* yang baru kepada rakyat Malaysia. Apakah semua usaha itu berkesan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sangat memahami keprihatinan rakyat tentang maklumat-maklumat terbaharu mengenai COVID-19 termasuklah berkaitan *Variant of Concern* (VOC) yang saban waktu diperkatakan di peringkat global. KKMM telah mengatur strategi penyampaian maklumat yang eksklusif dan inklusif dalam perkara ini. Pengaturan laporan-laporan berbentuk berita, temu-ramah, rancangan bual bicara, rencana dan sebagainya dimantapkan dengan pembentangan fakta-fakta klinikal, akademik dan bervariasi dihidangkan kepada khalayak. Bentuk persembahan juga dipelbagaikan dengan grafik, infografik, videografik menarik juga dihidangkan kepada penonton bagi menarik minat mereka akan fakta-fakta yang agak teknikal dan berbentuk saintifik.

KKMM melihat bukan sahaja isu VOC yang perlu diterangkan kepada masyarakat, tetapi sejak awal, KKMM turut membentangkan laporan dan maklumat-maklumat berkaitan epidemik dan pandemik Covid-19 seperti punca-punca penularan, kawalan dan pencegahan semasa pandemik, keperluan vaksinasi dan pencapaian negara ke arah *herd community*. Kini pendekatan KKMM akan juga terarah kepada isu transisi negara dari fasa pandemik ke fasa endemik bagi mendidik dan menyediakan masyarakat untuk membiasakan diri hidup bersama COVID-19. Fakta-fakta bahawa pematuhan SOP dan kehidupan dalam norma baharu juga perlu ditekankan bagi melengkapkan pemahaman rakyat tentang kepentingan kawalan sendiri dan masyarakat setempat berbanding dengan penguatkuasaan pihak berkuasa dalam fasa endemik bagi meningkatkan kualiti hidup masing-masing.

Jentera-jentera penyampaian KKMM akan digerakkan bagi memastikan maklumat yang tepat dapat disalurkan dengan pantas kepada semua peringkat masyarakat bagi mengelakkan rakyat terkeliru dengan perubahan-

## SOALAN NO : 16

perubahan yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam menangani isu-isu di bawah fasa pandemik dan fasa endemik.

Sejak wabak ini bermula Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) menerusi segala platformnya sama ada menerusi tv, radio atau media sosial rasmi bertindak menyampaikan apa sahaja maklumat terkini berkaitan wabak itu. Malah RTM telah dilantik sebagai saluran rasmi yang menyebarkan isu mengenai COVID-19 dan bertindak menyiarkan perkembangan terkini atau pengumuman daripada kerajaan berkaitan situasi terkini COVID-19 di negara ini termasuk siaran langsung sidang media YAB Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kanan mengenai wabak berkenaan .

Mengenai penyampaian maklumat kemunculan varian baru COVID-19, usaha berterusan dibuat oleh RTM melalui liputan berita TV, berita radio, Seksyen Ehwat Semasa, program tv dan radio berkaitan serta platform media sosial rasmi RTM untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kewujudan varian baru COVID-19 dan bahayanya. Berita TV dari semasa ke semasa menyiarkan laporan berkaitan varian Delta yang mula dikesan menular di negara ini pada awal Jun 2021. Berita Radio pula menyiarkan laporan tentang varian Delta menerusi pelaporan Berita Utamanya. Sebagai contoh pada 18 Ogos 2021, Berita Utama menyiarkan laporan berkaitan Penjagaan kesihatan yang optimum dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) penting dalam usaha negara mengendalikan pandemik COVID-19 terutama melibatkan varian Delta yang baharu.

Manakala, Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) secara berterusan mempergiatkan penyampaian perkhidmatan dan usaha-usaha hebahan mengenai maklumat-maklumat berkaitan pandemik COVID-19 di pelbagai platform komunikasi seperti berikut:

Aktiviti hebahan unit bergerak menerusi program *Info on Wheels* (IOW) sebanyak 17,977 program di 88,105 lokasi bagi menyalurkan maklumat dan membuat hebahan terus kepada kumpulan sasar termasuk maklumat-maklumat terkini berkaitan COVID-19 di kawasan-kawasan pedalaman

## SOALAN NO : 16

menggunakan pelbagai bahasa dan dialek agar masyarakat mendapat maklumat yang tepat dan difahami.

Perkongsian maklumat sahih kenyataan media, liputan berita/video, infografik dan videografik di semua platform media sosial rasmi JaPen termasuk *Facebook, Twitter, Instagram* dan *Youtube* disampaikan secara *real-time*. Sehingga Ogos 2021, sebanyak 2,568 hantaran terdiri daripada infografik, videografik dan video daripada sumber rasmi disebarluaskan. JaPen turut menghasilkan kandungan kreatif digital iaitu 108 infografik dan 64 videografik termasuk kenyataan-kenyataan daripada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan varian baharu bagi memperluas sebaran maklumat kerajaan di platform media sosial.

BERNAMA pula sentiasa mengutamakan melapor dan menghebahkan semua informasi tepat dan mutakhir berkaitan COVID-19 termasuk varian-varian terbaharu daripada sumber sahih yang diterima daripada pihak berkuasa dan agensi yang berkaitan dengan pengurusan pandemik COVID-19 menerusi pelbagai platform BERNAMA termasuk BERNAMA *Wires*, BERNAMA TV, BERNAMA Radio dan platform media sosial dalam pelbagai bentuk seperti liputan harian, laporan khas, rencana, program bual bicara dan klip video pendek, PSA, foto dan podcast.